


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

12 OGOS 2016
JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	21 DIDAKWA EDAR DADAH	2
THE STAR	21 CHARGED WITH TRAFFICKING KETAMINE	3
HARIAN METRO	RAMPAS BARANG TIRUAN RM47,665	4
KOSMO	21 LELAKI BERHADAPAN HUKUMAN MATI	5



UTUSAN MALAYSIA



SEBAHAGIAN daripada tertuduh warga India yang mengedarkan dadah didakwa di Mahkamah Majistret, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/NUR Aisyah Mazalan

21 didakwa edar dadah

UM 12/8/16

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM
pengrang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 11 OGOS

PEMBONGKARAN sebuah makmal dadah di Ulu Tiram minggu lalu mengheret dulu tempatan dan 19 lelaki warga India di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan mengedarkan dadah seberat 266.46 kilogram disyaki ketam.

Kesemua mereka dituduh melakukan perbuatan tersebut di dalam sebuah kilang di alamat JLM Plastics Recycling Trading, Sungai Tiram, Ulu Tiram di sini pada pukul 4.10 pagi, 3 Ogos lalu.

Dua lelaki tempatan terbabit adalah N. Ramakrishnan, 40, dan A. Herman Kumar Pillai, 27.

Sementara 19 lelaki warga asing itu terdiri daripada Ajaya Kumar Chandran Pillai Jayalakshmi, 47; Sudheer Kamaludeen, 36; Abdul Manaf Kamarudeen, 35; Gireeshl Nadarajan Santhan-

ma, 41; Saju Sathyam, 38; Palpani Mookka Thevar, 34; Ajayan Pushpakan, 26; dan Vishnu Pillai, 23; Niyashkan Abdur Manaf, 22; Ashraful Khalq Naizam, 31; Shafeek Shareef, 34; Suheer Azeez, 31; Manu Mohan Pillai, 25; Jayesh Sasidharan, 30; Murali Navakodi, 47; Lam Abdul Vaheed, 30; dan Rashudeen Sayeed, 47.

Yang turut dituduh, Nilhas Aboul Rahuman, 40; Vishnu Mohan Pillai, 23; Niyashkan Abdur Manaf, 22; Ashraful Khalq Naizam, 31; Shafeek Shareef, 34; Suheer Azeez, 31; Manu Mohan Pillai, 25; Jayesh Sasidharan, 30; Murali Navakodi, 47; Lam Abdul Vaheed, 30; dan Rashudeen Sayeed, 47.

Kesemua tertuduh memahami perludukannya yang dibacakan dalam bahasa Tamil namun tiada sebarang pengakuan direkodkan.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 39B(2)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sama dan dibaca bersama-sama Seksyen 34 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahannya, mereka boleh dihukum mati mandatori.

Majistret Mohd. Azlan Shah


menetapkan 13 September ini sebagai sumpah kes tersebut sementara menunggu laporan kimia.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Fithril Hakim Ab. Jalil manakala dua rakyat tempatan berkenaan diwakili peguam, V. Varunnath.

Akhbar Utusan Malaysia pada 6 Ogos lalu melaporkan, polis menyebut sebuah makmal dadah di Ulu Tiram pukul 4.10 pagi dan menahan 21 lelaki berkenaan serta merampas dadah dianggarkan bernilai RM16 juta.

Serbuan itu merupakan hasil kerjasama perkongsian maklumat risikan Agensi Penguatkuasaan Dadah Amerika Syarikat (DEA) bersama-sama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Pasukan Khas Taktikal dan Perisikan Narkotik (STING).

Serangan berkenaan dikatakan dapat menghentikan pengedaran dadah itu kepada kira-kira 897,000 penagih.



THE STAR

STAR 12/8/16

21 charged with trafficking ketamine

JOHOR BARU: Twenty-one people, including 19 Indian nationals, were charged in a magistrate's court here with trafficking 266.46kg of ketamine early this month.

All of them were charged with trafficking the drug at JLM Plastic Recycling Trading in Sungai Tiram, Ulu Tiram, near here, around 4.10am on Aug 3.

During yesterday's proceedings, the 21 accused nodded that they understood the charge after it was read out in Tamil but no plea was recorded.

The 19 foreigners are Manaf Kamarudeen, 35, Gireeshlal Nadarajan Santhama, 41, Nihas Aboul Rahuman, 40, Ajaya Kumar Chandran Pillai Jayalakshmi, 47, Sudheer Kamaludeen, 36, Vishnu Mohanan Pillai, 23, Saju Sathyian, 38, Palpandi Mookka Thevar, 34, Ajayan Pushpakaran, 26, Vishnu Raghu, 25, Niyashkan Abdul Manaf,

22, Ashraful Khalq Naizam, 31, Shafeek Shareef, 34, Suheer Azeez, 31, Manu Mohanan Pillai, 25, Jayesh Sasidharan, 30, Murali Navakodi, 47, Lam Abdul Vaheed, 30, and Rashudeen Sayudeen, 47.

The two locals are N. Ramakrishnan, 40 and A. Herman Kumar Pillai, 27.

They were charged under Section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 and are punishable under Section 39B(2) of the same Act.

The charge was read out together with Section 34, which carries a mandatory death sentence.

Magistrate Mohd Azlan Shah Mohd fixed Sept 13 for the next mention while waiting for the chemistry report.

PPP Fithril Hakim Ab Jalil prosecuted the case while the two Malaysians were represented by lawyer V. Varunath.



Trafficker jam: The 21 accused who were charged in the magistrate's court in Ulu Tiram being led out by police.



HARIAN METRO

HM 12/8/16

Johor Bahru: Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Komerasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) Johor merampas 2,217 unit pelbagai barang berjenama Adidas disyaki tiruan yang dianggarkan bernilai RM47,665, pagi kelmarin.

Dalam operasi jam 11.30 pagi, 12 anggota penguat kuasa PPDNKK negeri menyerbu tiga premis yang terletak di sebuah pusat perniagaan di Jalan Persiaran, Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang, di sini.

Timbalan Ketua Pegawai Penguatan Kuasa PPDNKK Johor Rizq Fazliana Abdul Hamid berkata, serbuan itu dibuat hasil pemantauan dan risikan selama seminggu yang dibuat pihaknya kerana premis berkenaan disyaki menjual barangannya tiruan berjenama Adidas,

"Hasil pemeriksaan mendapati premis berkenaan menjual barangannya tiruan termasuk jersi, baju-T, kasut, selipar dan seluar trek.

"Semua barang ini disita mengikut Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Daga-



Rampas barang tiruan RM47,665

RIZQ Fazliana (dua kanan) menunjukkan barang dirampas.

ngan 2011 bagi siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, pihaknya percaya barangannya tiruan untuk pasaran dalam dan luar negeri dengan harga antara RM50 hingga RM100 seunit.

Menurut beliau, tiga premis itu dipercayai sudah beroperasi 10 tahun dan dua daripadanya dimiliki individu yang sama.

"Kedua-dua penjual berusia antara 30 hingga 40 tahun sudah dirakam perca-

kannya mereka," katanya.


Katanya, pihaknya terus menjalankan operasi ke atas premis menjual barang tiruan berjenama dan bahan cetak rompak.

"Kita menasihatkan peniaga mematuhi undang-undang serta peraturan yang dikuatkuasakan dan tidak terbabit dalam menjalankan aktiviti penjualan atau pengedaran barang tiruan.

"Pengguna juga dinasihat-

kan supaya berhati-hati dalam membuat pembelian dengan memastikan barang yang dibeli tulen," katanya.

Beliau berkata, sejak 1 Januari lalu hingga 7 Ogos lalu, 91 kes barang tiruan membabitkan jumlah RM292,423 di sekitar Johor Bahru dicatatkan dan pihaknya sentiasa menjalankan pemantauan terutama di kawasan tumpuan seperti pasar raya.



KOSMO

Didakwa edar 266 kilogram ketamin bernilai RM16 juta di sebuah kilang di Johor

21 lelaki berdepan hukuman mati

KOSMO 12/8/16


Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU — Kegiatan haram dua lelaki tempatan bersama 19 warga India yang menjadikan sebuah kilang untuk mengedarkan dadah jenis ketamin di negara ini berakhir apabila kesemuanya didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam.

Bagaimanapun, tiada sebarang pengakuan direkodkan daripada kesemuanya 21 petualang negara yang berdepan hukuman gantung sampai mati itu. Mereka hanya mengangguk ketika pertuduhan dibacakan oleh juruhubungi di hadapan Majistret Mohd. Azlan Shah Mohd. Allias.

Mengikut pertuduhan, dua lelaki tempatan itu, N. Ramakrishnan, 40, dan A. Herman Kumar Pillai, 27, didakwa bersama-sama mengedarkan ketamin seberat 266.46 kilogram di sebuah kilang di JLM Plastic Recycling Trading, 5A, Jalan Haji Sadi Batu 14 3/4, Sungai Tiram, Ulu Tiram di sini pada pukul 4.10 pagi, 3 Ogos lalu.

Kesemuanya tertuduh didakwa mengikut Seksyen 39(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B (2) akta sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa



ANGGOTA polis mengawal 21 tertuduh kes dadah selepas kesemuanya didakwa di Mahkamah Majistret Johor Bahru, Johor semalam.

hukuman mati.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Fithril Hakim Ab. Jallil manakala hanya dua tertuduh diwakili pe-

guam, V. Varunath.

Tiada ikat jamin dibenarkan dan kesemuanya tertuduh dihantar ke Penjara Kluang sementara menunggu sebutan

4.10 pagi, 3 Ogos lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 39B (2) akta sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati.

Senarai tertuduh

- | | |
|------------------------------------|-----------------------------|
| Warga tempatan (2) | 8. M. T. Palpandi, 34. |
| 1. N. Ramakrishnan, 40. | 9. P. Ajayan, 26. |
| 2. A. Herman Kumar Pillai, 27. | 10. R. Vishnu, 25. |
| Warga India (19) | 11. A. M. Niayskhan, 22. |
| 1. Abdul Manaf Kamarudeen, 35. | 12. K. N Ashraful, 31. |
| 2. N. S. Gireeshal, 41. | 13. S. Shafeek, 34. |
| 3. A. R. Ni Has, 40. | 14. A. Suheer, 31. |
| 4. P. J. Ajaya Kumar Chandran, 47. | 15. M. P. Manu, 25. |
| 5. K. Sudheer, 36. | 16. S. Jayesh, 30. |
| 6. M. P. Vishnu, 23. | 17. N. Murali, 47. |
| 7. S. Saju, 38. | 18. Lam Abdul Vaheed, 30. |
| | 19. Rashudeen Sayudeen, 30. |

Kilang dadah terbesar di Johor diserbu

POLIS berjaya merampas dadah berjumlah 266.46 kilogram dan wang tunai sebanyak RM16 juta di sebuah kilang di Ulu Tiram pada pagi tadi.

KERATAN kosmo/7 Ogos 2016.

semula kes pada 13 September depan.

Ahad lalu, Kosmo! melapor polis membongkar sebuah makmal memproses dadah dan

merampas ketamin seberat 296 kilogram bernilai RM16 juta di sebuah kilang di Ulu Tiram di sini. Dadah itu boleh dibekalkan kepada 897,000 pengguna.

